



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
3 Oktober 2021**

ASNB MELAKSANAKAN POLISI NOMBOR TELEFON MUDAH ALIH TUNGGAL UNTUK SEMUA PEMEGANG AKAUN

Peningkatan ciri keselamatan transaksi dalam talian bertujuan melindungi data peribadi dan privasi pemegang unit

Kuala Lumpur, 3 Oktober 2021: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pelaksanaan polisi nombor telefon mudah alih tunggal ke atas semua pemegang akaun ASNB dalam inisiatif terkini untuk memberi perlindungan data peribadi dan privasi yang lebih baik.

Polisi ini telah mula dilaksanakan pada 25 September 2021 sebagai salah satu usaha penambahbaikan utama ke atas portal pelaburan dalam talian dan aplikasi mudah alih myASNB. Penambahbaikan ini merupakan peningkatan utama pada antara muka dan pengalaman pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif & Pengarah Eksekutif ASNB, Mohammad Hussin, berkata, “Sebelum ini, ASNB membenarkan perkongsian nombor telefon untuk akaun-akaun yang berbeza bagi memudahkan para pemegang unit mengurus akaun milik ahli keluarga, khususnya ibu bapa yang berusia dan kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Pada ketika itu, telefon mudah alih digunakan terutamanya bagi tujuan komunikasi dan bukan untuk mengesahkan sebarang transaksi.”

“Walau bagaimanapun, dengan tersedianya pelbagai kemudahan transaksi dalam talian di portal dan aplikasi myASNB, nombor telefon mudah alih kini digunakan untuk tujuan pengenalan dan juga pengesahan. Polisi nombor tunggal ini akan meningkatkan lagi keselamatan untuk semua pengguna,” tambah beliau.

Mohammad turut berkata, "Kami sedia maklum bahawa polisi ini akan menimbulkan sedikit kesulitan kepada para pemegang unit berbanding pendekatan yang lebih fleksibel sebelum ini. Walau bagaimanapun, kami yakin para pemegang unit sedar bahawa ancaman terhadap data peribadi dan privasi semakin meningkat sejak kebelakangan ini, dan pentingnya ASNB mengambil langkah pencegahan yang bersesuaian untuk melindungi pelaburan mereka dengan kami. "

Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini, para pemegang unit ASNB yang mempunyai rekod duplikasi nombor telefon dalam pelbagai akaun telah dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dan e-mel untuk mengunjungi cawangan dan ejen ASNB terdekat bagi tujuan pengesahan nombor telefon. Seterusnya, ASNB akan mengaktifkan peraturan satu nombor satu akaun dan membatalkan penggunaan nombor telefon yang sama ke atas akaun-akaun ASNB yang lain.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, pemegang unit boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899 (8 pagi – 8 malam setiap hari) atau e-mel kepada asnbcare@pnb.com.my.

-TAMAT-

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 260 bilion dan melebihi 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad